



PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCELE
Government Complex Parcel E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Fax: 03-8889 4548
Laman web: <http://www.moe.gov.my>.

KP (BS-SPPK) 601/1 (16)
11 Mac 2009

Semua Pengarah
Jabatan Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Datuk/ Dato'/Tuan/Puan,

KETEGASAN MENANGANI TINGKAH LAKU ALA SAMSENG DALAM KALANGAN MURID

Saya dengan hormatnya ingin menarik perhatian Y.Bhg. Datuk/ Dato'/Tuan/Puan, berkaitan perkara di atas.

2. Penglibatan murid sekolah dalam kegiatan ala samseng adalah merupakan perbuatan yang perlu dilihat secara serius oleh semua pihak khususnya pengurusan sekolah. Gejala tersebut boleh memberikan impak yang negatif terhadap pengurusan sekolah sekiranya tidak ditangani secara segera dan berkesan di peringkat awal. Sekolah sepatutnya mempunyai persekitaran yang selamat agar setiap murid dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran mereka. Fokus murid tidak boleh diganggu sekiranya kita mahu mewujudkan masyarakat terpelajar yang dapat bersaing di pentas dunia.

3. Pendedahan yang dibuat oleh pihak media sejak akhir-akhir ini dalam kegiatan negatif telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat umum terutamanya ibu bapa. Murid-murid yang menyertai kegiatan ala samseng didapati telah mengganggu ketenteraman sekolah dan murid-murid lain melalui perbuatan mengancam, mengugut, memukul dan lain-lain perbuatan seumpamanya.

4. Justeru ini, saya ingin mengingatkan kepada pihak pentadbiran pendidikan di peringkat Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan Pentadbiran Sekolah supaya memainkan peranan masing-masing dalam membendung kegiatan tersebut. Pegawai Pelajaran Daerah perlu segera mengaktifkan Majlis Permuafakatan Pendidikan Daerah (MPPD) bagi membincang serta mengambil tindakan terhadap kegiatan ini yang melibatkan murid sekolah di peringkat daerah masing-masing. Semua murid perlu diperingatkan bahawa sebarang tingkah laku yang melanggar undang-undang atau peraturan-peraturan sama ada di dalam atau di luar kawasan sekolah akan dikenakan tindakan yang tegas oleh pihak berwajib termasuk oleh pihak sekolah.

5. Suka saya mengingatkan bahawa tugas mendisiplinkan murid-murid di sekolah merupakan antara tugas utama guru. Semua guru perlu memainkan peranan mereka dalam hal ini dan tidak hanya menyerahkan tugas tersebut kepada sesetengah kumpulan guru sahaja. Pihak pengurusan sekolah juga perlu sentiasa mengingatkan semua guru bahawa mereka adalah bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya gejala seumpama ini tidak dapat diatasi di peringkat sekolah. Kementerian Pelajaran tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap pihak pengurusan sekolah sekiranya didapati mereka cual atau lalai dalam usaha ini.

6. Sebagai langkah pencegahan terhadap gejala ini, maka semua pengurusan sekolah perlu mengambil langkah-langkah yang proaktif serta berkesan agar kejadian seumpamanya tidak lagi berulang. Antara langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak pengurusan sekolah adalah;

- 6.1 Mewujudkan peti aduan disiplin murid di sekolah dan asrama (sekiranya sekolah tersebut ada asrama). Semua murid perlu dimaklumkan serta diberi keyakinan tentang fungsi peti aduan disiplin ini.
- 6.2 Peranan Jawatankuasa Disiplin Sekolah dan Asrama perlu diperluaskan agar kerja-kerja menyiasat dapat dilakukan dengan teliti serta mengambil tindakan **SEGERA** terhadap setiap aduan yang dibuat oleh murid. Dengan cara ini, fungsi Jawatankuasa Disiplin Sekolah akan kelihatan *visible* dan dapat dirasakan kewujudannya oleh seluruh warga sekolah.
- 6.3 Pihak Berkuasa Disiplin di sesebuah sekolah perlu menyiasat, mengkaji dan meneliti sekiranya wujud perkara-perkara atau aktiviti-aktiviti tradisi yang telah diwujudkan oleh murid atau kumpulan-kumpulan murid yang mana perkara atau aktiviti tersebut adalah berlawanan dengan prinsip-prinsip pendidikan, akhlak dan usaha kita memupuk budi pekerti yang baik dalam kalangan murid sekolah, maka perkara atau aktiviti tersebut hendaklah diberhentikan dengan serta merta.
- 6.4 Pihak Berkuasa Disiplin di sekolah termasuk guru-guru Disiplin, Guru Bimbingan dan Kaunseling, Guru Warden di asrama serta guru-guru lain perlu mencari satu kaedah yang berkesan bagi **menghidu kewujudan** individu atau kumpulan murid yang terlibat dalam salah laku ala samseng, membuli atau salah laku lain seumpamanya dan tindakan awal perlu diambil sebelum gejala tersebut membiak dan merebak.
- 6.5 Sekiranya sekolah atau asrama ada melaksanakan aktiviti orientasi atau suaikenal terhadap murid baru, maka aktiviti tersebut hendaklah berada di bawah kawalan guru sepenuhnya. Apa-apa bentuk perlakuan yang bersifat membuli atau seumpamanya yang boleh mendatangkan kecederaan,

penderitaan mental dan emosi kepada murid adalah **DILARANG SAMA SEKALI.**

- 6.5 Bagi sekolah berasrama, kewujudan guru warden hendaklah dapat dirasai oleh penghuninya sepanjang masa. Peraturan asrama serta aktiviti hariannya perlu jelas kepada semua penghuninya. Pemeriksaan ke bilik-bilik penginapan murid serta bilik-bilik lain hendaklah dilakukan secara kerap dan berjadual. Pemeriksaan mengejut hendaklah dilakukan sekiranya dirasakan ada keperluan oleh pihak sekolah atau asrama.
- 6.7 Kempen dan penjejasan terhadap kesan perbuatan ala samseng, bull dan jenayah lain perlu dibuat secara berterusan dan melibatkan pihak luar khususnya PDRM dan PIBG atau pihak-pihak lain yang dirasakan berkaitan.
- 6.6 Pihak sekolah juga adalah digalakkan sentiasa berbincang dan bertindak bersama pihak-pihak luar seperti PDRM, PIBG, jabatan atau agensi kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-Badan Bukan Kerajaan, kepimpinan masyarakat setempat seperti Penghulu, Ketua Kampung, JKKK dan lain-lain yang berkaitan dalam usaha mengatasi gejala disiplin murid di sekolah atau di luar sekolah.

7. Y.Bhg. Datuk/ Dato'/Tuan/Puan diminta supaya memaklumkan kandungan dan memanjangkan surat ini kepada semua Pegawai Pelajaran Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran masing-masing dan diharap segala usaha dan langkah yang diambil ini dapat membendung gejala disiplin murid masa kini dan akan datang.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

DATO' HJ. ALIMUDDIN BIN HJ. MOHD DOM
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

- s.k.
1. Y.B. Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein
Menteri Pelajaran Malaysia
 2. Y.B. Dato' Ir. Dr. Wee Ka Siong
Timbalan Menteri Pelajaran
 3. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
 4. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran

5. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
6. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Ketua Nazir Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Kementerian Pelajaran
8. Penasihat Undang-Undang Kementerian Pelajaran
9. Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Pelajaran

Mfn/disiplin09...